

Bahasa Figuratif sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif

SITI NORASHIKIN MOHD KHALIDI
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
SELANGOR
sitonorashikin_khalidi@yahoo.com

NOR AZUWAN YAAKOB
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
SELANGOR
azuwan@upm.edu.my

Received: 22 January 2018

Accepted: 23 June 2018

ABSTRAK

Bahasa figuratif didefinisikan sebagai gaya bahasa tersirat yang digunakan oleh pengarang dalam hasil karya sastra mereka. Dalam novel, salah satu fungsi penggunaan bahasa figuratif adalah untuk melahirkan pelbagai unsur emotif seperti gembira, sedih, marah, simpati dan sebagainya. Kajian ini adalah untuk membincangkan tentang bahasa kiasan yang digunakan dalam novel sebagai wahana untuk penjelasan unsur-unsur emotif. Kaedah kualitatif digunakan dengan menganalisis kandungan teks yang mengandungi data bahasa figuratif yang terdiri daripada alusi dan hiperbola dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa figuratif alusi dan hiperbola sebagai wahana untuk penjelasan unsur-unsur emotif dalam novel ini sangat memberikan kesan kepada emosi pembaca untuk turut merasai apa-apa yang berlaku dalam novel ini. Selain itu, penggunaan bahasa figuratif dilihat dapat mencetus emosi dan merangsang minda pembaca. Kesimpulannya, dalam kajian ini bahasa figuratif mempunyai fungsi penting untuk mempengaruhi minat pembaca di samping dapat meningkatkan tahap pemahaman pembaca mengenai sesuatu perkara yang abstrak.

Kata kunci: Bahasa Figuratif, Emotif, Novel, Teori Relevans

Figurative Language as a Reflection of Emotive Elements

ABSTRACT

The figurative language is defined as the implicit language style that used by author in their literary outcome. In the novel, one of the figurative language functions is to describe variety of

emotive elements such as happiness, sadness, angry, sympathy and so on. This study is to discuss about the figurative language that used in novel as a medium for the explanation of emotive elements. Qualitative method is used with analyzing of textual content that have figurative language data consisting of allusion and hyperbole in the novel of *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* by Anwar Ridhwan. The data that has been obtained was analyze using the Relevance Theory founded by Sperber and Wilson in the year 1986. The result shows that the use of figurative language of allusion and hyperbole as a medium for the explanation of emotive elements in this novel greatly affects to emotion of the readers to also feel what is going on in this novel. Other than that, the use of figurative language can spark the emotion and stimulate the mind readers. As a conclusion, in this study figurative language have an important function to affect the reader's interest in addition to increase the level of reader's understanding about the abstract something

Key words: Figurative Language, Emotive, Novel, Relevance Theory

PENGENALAN

Bahasa figuratif merupakan salah satu gaya bahasa tersirat yang merupakan bahagian penting bagi ilmu sastera dan sekaligus dalam ilmu linguistik. Menurut Mary Fatimah Subet (2015) bahasa figuratif ialah bahasa yang tidak hanya memiliki makna yang tersurat tetapi juga mempunyai makna yang tersirat. Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad (1996) pula menyatakan bahawa bahasa figuratif merupakan gaya bahasa yang berkomunikasi secara analogi.

Gaya bahasa yang berkomunikasi secara analogi atau tersirat mengandungi makna yang ada kaitan dengan nilai rasa, sama ada nilai rasa positif mahupun nilai rasa negatif yang digunakan oleh pengarang dalam sesuatu karyanya. Sebagai karya sastera, novel tidak hanya dilihat sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai bentuk seni yang mempelajari dan meneliti nilai kehidupan (Sukarni, 2012). Dalam hal ini nilai-nilai kehidupan termasuklah seperti nilai emosi, iaitu kasih sayang, kegembiraan, kesedihan dan sebagainya. Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2015) unsur emotif boleh terdiri daripada rasa rindu, benci, segan, gembira, berahi, ragu, kasih, sayang dan seumpamanya. Justeru, penggunaan bahasa figuratif mempunyai fungsi yang penting dalam sesebuah karya sastera seperti novel.

Bukan itu sahaja, pengarang menggunakan pelbagai gaya bahasa sebagai perantaraan untuk meluahkan atau melahirkan nilai-nilai kehidupan tersebut dalam menyampaikan pelbagai tema dan persoalan, latar, peristiwa dan sebagainya dalam karya mereka. Hal ini dapat disokong oleh Nurulain Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2016) yang menyatakan bahawa dalam penulisan novel penceritaan yang disampaikan oleh pengarang mengandungi elemen seperti watak dan perwatakan, tema dan persoalan, latar dan kepelbagaian gaya bahasa. Mereka turut menyatakan bahawa kepelbagaian gaya bahasa seperti penggunaan bahasa figuratif bagi menyampaikan penceritaan dalam novel dapat memberikan impak yang lebih berkesan kepada pembaca. Sehubungan itu, yang ditumpukan dalam kajian ini adalah tentang penggunaan bahasa figuratif yang terdapat dalam novel terpilih. Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan untuk

membicarakan tentang penggunaan bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel Anwar Ridhwan yang bertajuk *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979).

PENYATAAN MASALAH

Penggunaan bahasa figuratif dalam novel menjadikan bahasa lebih puitis dan indah. Gorys Keraf (2007) menekankan bahawa bahasa figuratif merupakan suatu penyimpangan bahasa secara emotif daripada bahasa biasa untuk memperoleh kejelasan, penekanan, gelak tawa dan sebagainya. Dengan hal yang demikian, penggunaan bahasa figuratif dalam novel merupakan antara gaya bahasa yang mengungkapkan unsur-unsur emotif secara tersirat.

Wong Shia Ho (2013) menyatakan bahawa bahasa figuratif merupakan ujaran yang mengandungi unsur implisit. Mary Fatimah Subet (2012) pula berpendapat bahawa gaya bahasa implisit menjadi pilihan penutur masyarakat kerana malu untuk meluahkan perasaan secara langsung atau terang-terangan. Oleh itu, gaya bahasa implisit seperti bahasa figuratif dapat menggantikan atau meluahkan unsur emotif seperti rasa malu, menyinggung perasaan, marah dan sebagainya.

Ruhaizah Marzuki (1988) menyatakan bahawa bahasa figuratif yang mengandungi makna tersirat boleh menjejaskan pemahaman seseorang kerana terdapat kekaburan makna. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan unsur emotif berbentuk tersirat yang ingin digunakan oleh pengarang untuk disampaikan kepada pembaca kurang berkesan. Sebaliknya, Taringan dalam Jeniri Amir (2005) menyatakan bahawa bahasa figuratif dapat menghidupkan, mengkonkritkan atau mengekspresikan emosi. Sperber dan Wilson (1986) juga turut menyatakan bahawa walaupun bahasa figuratif mengandungi makna tersirat, namun mesej yang hendak disampaikan lebih berkesan bahkan penggunaan bahasa figuratif dapat menghindari perkara yang menyinggung emosi.

Seterusnya, dalam menyelami bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran, Wong Shia Ho (2013) menyatakan bahawa bahasa figuratif yang digunakan sama ada secara tulisan mahupun lisan perlu dianalisis makna implisitnya terlebih dahulu. Oleh itu, kajian mengenai bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif turut tidak lari daripada membicarakan tentang makna implisit bahasa figuratif. Menurut Raja Shaharudin Raja Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) dalam membicarakan aspek makna yang mengandungi gaya bahasa tersirat, teori semantik biasa sahaja tidak dapat menyelesaikan persoalan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Kajian tentang aspek makna yang tersirat bukan sahaja perlu melibatkan bidang semantik, tetapi perlu ada kesinambungan dengan bidang pragmatik.

Jelasnya, berdasarkan pernyataan masalah tersebut kajian ini mempunyai justifikasi bagi meluaskan lagi mengenai kajian bahasa figuratif dalam novel agar dapat memberikan kepentingan kepada semua pihak. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membicarakan penggunaan bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Anwar Ridhwan. Manakala Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) diaplikasikan dalam kajian ini bagi

menyingkap permasalahan dan menjawab persoalan ini seterusnya untuk mencapai objektif kajian ini.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang bahasa figuratif meliputi pelbagai aspek, pandangan dan dimensi ilmu. Walau bagaimanapun, bahasa figuratif tidak lari daripada skala perbincangan mengenai makna tersirat yang ingin disampaikan oleh penutur dan seterusnya mempunyai fungsinya yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji akan menyoroti beberapa kajian lepas sama ada kajian mengenai bahasa figuratif dalam novel mahupun dalam dimensi lain serta kajian lepas yang relevan untuk membantu pengkaji menjalankan kajian selanjutnya dan mencapai objektif kajian.

Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk *Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina*. Kajian ini dijalankan berpandukan kerangka gaya retorik yang diperkenalkan oleh Corbett dan Connors pada tahun 1999 berdasarkan teori klasik oleh Aristotle. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan retorik gaya skema yang terdapat dalam novel *Salina*. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat retorik gaya skema jenis keseimbangan, pengulangan, pengguguran dan hiperbaton. Malahan, dalam kajian ini pengkaji turut menghuraikan fungsi retorik digunakan dalam novel tersebut seperti untuk menampilkan idea, maklumat, pemikiran, meluahkan perasaan, menegaskan sesuatu maksud dan menarik perhatian. Walaupun kajian ini tidak memberi fokus kepada bahasa figuratif, namun pengkaji menyatakan bahawa gaya bahasa merupakan satu kaedah untuk mengekspresikan fikiran melalui bahasa yang khusus, menyatakan perasaan dan sifat semula jadi pengarang. Oleh itu, kajian mengenai bahasa figuratif yang merupakan salah satu gaya bahasa dalam novel wajar dijalankan.

Seterusnya, Ali Imron A.M (2009) juga telah meneliti gaya bahasa dalam novel *Ronggeng Dukuh Paruk (RDP)* karya Ahmad Tohari. Kajian ini telah mendeskripsikan gaya bahasa RDP yang berfokuskan pada diksi, bahasa figuratif dan citraan. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, penyelidik mendapati bahawa penggunaan bahasa figuratif bertujuan untuk mengekspresikan tentang dunia kanak-kanak yang berasa gembira, bebas bermain dan belum lagi mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga. Berikutan kajian tersebut, kerelevanan kajian bagi membincangkan tentang bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel Anwar Ridhwan yang bertajuk *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) adalah wajar dilakukan. Hal ini kerana penggunaan bahasa figuratif bukan sahaja dapat mengekspresikan pelbagai unsur emotif bahkan dapat memikat dan seterusnya memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca untuk turut merasai emosi yang ingin ditampilkan oleh pengarang dalam penulisannya.

Haslina Haroon (2016) dalam *Isu-Isu dalam Terjemahan Karya Sastera* telah meneliti cara penterjemahan alusi sastera, kesan daripada aspek makna dan fungsi penggunaan strategi penterjemahan yang berbeza-beza. Hasil kajian mendapati bahawa alusi digunakan untuk mengukuhkan lagi perwatakan dan keadaan tertentu yang terdapat dalam novel yang bertajuk *The Mayor of Caterbridge*. Selain itu, alusi juga merupakan elemen yang mencirikan gaya bahasa pengarang. Manakala, penterjemah telah menggunakan tiga prosedur utama, iaitu

pengekalan alusi asal, penterjemahan makna alusi asal tanpa mengekalkan alusi tersebut dan pengguguran langsung alusi tanpa menterjemahkan maknanya.

Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa*. Kajian ini bertujuan untuk melihat pengalaman mengalami kemiskinan melalui bahasa figuratif dalam sajak Usman Awang yang bertajuk *Selebar Kamus Kemiskinan*. Data yang diambil terdiri daripada sembilan baris sajak unsur ironi dan dianalisis berdasarkan Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986). Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa bahasa figuratif ironi berjaya menarik hati pembaca agar turut merasai kepayahan hidup dalam kemiskinan. Selain itu, bahasa figuratif ironi dalam sajak menampilkan unsur emotif kesedihan dan simpati. Menurut Mary Fatimah Subet dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) bahasa berfungsi untuk menyatakan suka duka kehidupan.

Wong Shia Ho (2014) juga telah menjalankan kajian mengenai fungsi bahasa figuratif. Walau bagaimanapun beliau tidak membincangkan aspek bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif. Sebaliknya, kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis makna tersirat bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran Tunku Abdul Rahman melalui teks ucapan pemimpin negara tersebut. Analisis ini dijalankan berpandukan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986). Kajian dijalankan dengan memanfaatkan tiga data bahasa figuratif, iaitu metafora, ironi dan simile. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan ketiga-tiga bahasa figuratif ini dapat menjelaskan pemikiran sosiopolitik Tunku kepada rakyat Malaysia.

Hasil penelitian, terdapat banyak kajian lepas yang telah dijalankan berkenaan bahasa figuratif, sama ada oleh pengkaji tempatan mahupun luar negara daripada sudut yang berbeza-beza. Dengan semakin berkembangnya kajian mengenai bahasa figuratif ini, maka semakin banyak dorongan kepada pengkaji untuk mengkaji mengenai bahasa figuratif dari sudut yang berbeza. Sebagai rumusannya, kajian selanjutnya perlu dibuat untuk memantapkan lagi keberkesanan penggunaan bahasa figuratif yang dianggap sebagai wahana utama untuk menjelaskan unsur emotif. Oleh itu, kajian ini memfokuskan data bahasa figuratif alusi dan hiperbola sebagai wahana penjelasan unsur emotif yang terdapat dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Anwar Ridhwan.

METODOLOGI

Kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk mengenal pasti bahasa figuratif alusi dan hiperbola sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Anwar Ridhwan. Pengkaji memilih novel ini sebagai bahan kajian kerana novel ini telah mendapat perhatian pengkaji sastera bukan sahaja di peringkat kebangsaan, bahkan juga di peringkat antarabangsa serta novel ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Urdu, bahasa Jepun dan bahasa Perancis. Oleh itu, novel ini rasional dijadikan sebagai bahan kajian bagi memperlihatkan kebijaksanaan pengarang mengimplimentasikan daya kreativitinya bermain dengan bahasa untuk menggugah emosi dan minda pembaca.

Bukan itu sahaja, novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan, 1979) yang mengisahkan tentang kehidupan seorang penglipur lara yang bernama Pak Hassan dilihat menampilkan pelbagai unsur emotif yang cuba diketengahkan oleh pengarang. Dalam novel ini

Pak Hassan mempunyai seorang isteri yang bernama Selamah dan dua orang anak yang bernama Senah dan Mat Junuh. Isterinya Selamah telah meninggal dunia selepas melahirkan anak kedua mereka, Mat Junuh. Selepas kematian isterinya, kehidupan Hassan tidak menentu dan selalu berduka. Kehidupan Pak Hassan ditimpa malang apabila anak perempuannya, Senah lari daripada rumah kerana dirogol oleh Mansur. Mat Junuh juga telah lari daripada rumah sama seperti tindakan kakaknya itu. Kehilangan mereka secara tidak langsung meninggalkan kesan terhadap Pak Hassan. Jelasnya, berdasarkan pengisahan dalam novel yang dikaji ini, pastinya wujud pelbagai unsur emotif seperti kegembiraan, kesedihan, kerisauan, marah dan sebagainya yang cuba ditampilkan oleh pengarang. Oleh itu, kajian berkenaan penggunaan bahasa figuratif dalam novel ini wajar dilakukan bagi melihat keserlahan gaya penulisan pengarang bermain dan menggunakan bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel tersebut.

Data yang diperoleh menggunakan persampelan sistematik. Penggunaan persampelan sistematik merupakan satu kaedah penentuan pengumpulan data dalam kajian secara seimbang (Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis, 2017). Dalam kaedah ini sampel diambil dengan memilih satu unit daripada unsur pertama. Sehubungan dengan itu, novel yang dikaji terdiri daripada 185 halaman ini memerlukan 20 peratus daripadanya, iaitu sebanyak 37 halaman. Unsur pertamanya dipilih pada halaman ke-5 diikuti halaman ke-10, ke-15, ke-20 dan seterusnya sehingga halaman 185. Data yang dikumpul hanya melibatkan bahasa figuratif alusi dan hiperbola sahaja.

Bagi mencapai tujuan kajian ini pula, iaitu untuk membincangkan penggunaan bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif makna implisitnya dianalisis terlebih dahulu. Dengan demikian, kajian ini memanfaatkan bidang pragmatik yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) berdasarkan Teori Relevans. Dalam teori ini terbahagi kepada tiga gagasan utama, iaitu:

i. Konteks

Konteks merupakan seberkas andaian tentang dunia yang dibentuk secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Selain itu, konteks melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi (Sperber dan Wilson, 1986).

ii. Kesan konteks

Kesan konteks menghuraikan tentang proses pemahaman sesuatu ujaran yang dianggap lebih relevan jika mempunyai lebih kesan konteks. Selain itu, kesan konteks merupakan andaian awal yang ada pada pendengar. Dalam perbualan pendengar akan menggabungkan, memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada bagi menghasilkan kesan konteks. Konteks dibina melalui perbualan. Dalam perbualan, pendengar akan membina kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Latar belakang konteks akan berubah apabila terdapat pertambahan maklumat baharu. Hal ini telah menyebabkan kita akan terus membuat andaian baharu kepada andaian yang sedia ada dan juga telah diproses pada peringkat awalnya. Bagi mengelakkan kekeliruan, pendengar mestilah

sedar bahawa apabila beliau menginterpretasi sesuatu ujaran, beliau tidak hanya terbatas kepada andaian lama yang telah sedia ada tetapi juga harus peka dengan kehadiran maklumat serta andaian baru.

iii. Kos memproses

Kos memproses merupakan usaha pendengar dalam memproses maklumat atau makna ujaran. Sekiranya ujaran itu dapat difahami dengan mudah, maka kos memproses maklumat bagi ujaran tersebut dapat dianggap rendah. Tetapi jika ujaran yang dihasilkan itu dipenuhi dengan persoalan, kos memproses akan meningkat berdasarkan tahap kesukaran untuk menterjemah makna yang hendak disampaikan. Sesuatu ujaran akan dianggap kurang relevan jika kos memproses ujaran tersebut adalah tinggi. Oleh itu, penutur perlu memastikan ujarannya dapat difahami dengan mudah oleh pendengar.

Berdasarkan penerangan tersebut, ketiga-tiga gagasan utama ini akan diterapkan dalam kajian ini bagi menganalisis makna implisit bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Anwar Ridhwan. Di samping itu, pengkaji turut meneliti kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh sarjana lain dalam bidang yang berkaitan. Antara bahan yang dirujuk terdiri daripada tesis, buku, jurnal dan bahan ilmiah yang lain. Dengan itu, melalui kaedah ini pengkaji dapat mendalami ilmu berkenaan kajian yang dijalankan di samping dapat menyokong atau mengukuhkan kenyataan yang dikemukakan dan seterusnya mencapai objektif kajian.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN KAJIAN

Perbincangan Penggunaan Bahasa Figuratif sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif dalam Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan

Unsur emotif yang terdapat dalam karya sastera merupakan elemen yang sangat penting agar cerita atau kisah yang hendak disampaikan oleh pengarang dalam karyanya hidup, tidak membosankan dan dapat menarik hati pembaca. Dalam kajian ini, maksud unsur emotif ialah pengarang menggunakan bahasa figuratif alusi dan hiperbola sebagai wahana penjelasan unsur emotif dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan, 1979). Menurut Gorys Keraf (2007) alusi merupakan gaya bahasa yang menyamakan sesuatu dengan orang, tempat atau peristiwa. Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) pula mendefinisikan alusi sebagai perbuatan membayangkan atau merujuk kepada sesuatu secara tidak langsung. Hiperbola pula merupakan gaya bahasa yang mengandungi pernyataan yang berlebih-lebihan (Gorys Keraf, 2007). Pengkaji akan memanfaatkan empat contoh data masing-masing dua daripada bahasa figuratif alusi dan dua daripada hiperbola. Walaupun kajian ini hanya mengemukakan empat data untuk dikaji, tetapi data yang dianalisis makna implisitnya dapat membantu bagi mencapai objektif kajian ini. Berikut merupakan data yang dipilih, iaitu:

a. Perbincangan Penggunaan Bahasa Figuratif Alusi sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif dalam Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan

Data 1

“ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan”

(Halaman: 20)

Jadual 1: Makna Linguistik “ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan”

Data 1	Makna Linguistik
“Ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan.”	i. ditabur-tabur - berselerak di sana sini ii. depan - hadapan iii. mata - alat untuk melihat iv. macam - seperti v. kita - kata ganti diri orang yang bercakap serta sekelian yang hadir vi. menaburkan - menjadikan berselerak vii. padi - tumbuhan yang buahnya dijadikan beras viii. beri - menyampaikan sesuatu ix. ayam - unggas yang biasanya ditenak x. makan - mengunyah

Data 1 yang diperoleh daripada halaman 20 berdasarkan novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (Anwar Ridhwan, 1979) ialah merupakan bahasa figuratif alusi. Data ini dikategorikan sebagai alusi kerana disamakan antara perkara yang dirujuk dengan sesuatu keadaan yang sudah diketahui oleh masyarakat dalam lingkungannya. Hal ini dapat dilihat melalui konteks yang melatari latar belakang masyarakat pertanian dalam novel yang dikaji. Oleh itu, pengarang menggunakan bahasa figuratif alusi “ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan” untuk menerangkan tentang unsur emotif yang sedang dialami oleh penduduk desa tersebut. Dalam dapatan ini, dapat dikukuhkan dengan pernyataan Othman Puteh (1995), iaitu bahasa dan sastera merupakan salah satu aliran emosi. Hal ini dapat disimpulkan bahawa bahasa yang digunakan dalam karya merupakan medium yang digunakan oleh pengarang untuk melahirkan pelbagai unsur emotif.

Seterusnya, bahasa yang digunakan menimbulkan pelbagai makna tertentu. Jadual 1 di atas mendefinisikan makna linguistik bagi Data 1. Walau bagaimanapun, dalam konteks permulaan berdasarkan ayat di bawah maksud bagi Data 1 bukan membawa makna linguistik seperti dalam Jadual 1. Sebaliknya, penggunaan alusi seperti dalam Data 1 mengandungi makna implisit bagi menggambarkan suasana yang berlaku dalam kisah novel yang dikaji.

“Belum pun Jepun datang saya sudah dapat khabar yang mengatakan kalau Jepun memerintah, kain baju akan banyak dan murah. Itu baru berita Jepun hendak datang. Kalau betul-betul sudah datang, barangkali diberi percuma saja kepada kita semua.”

(Halaman: 20)

Secara logiknya, berdasarkan konteks permulaan yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa ungkapan tersebut diujarkan oleh salah seorang penduduk desa itu yang bernama Harun. Dalam hal ini Harun digambarkan sedang berasa gembira sekiranya Jepun datang ke kampung mereka. Hal ini sedemikian kerana Harun berfikiran sekiranya Jepun datang ke kampung mereka, maka harga pakaian yang dijual akan lebih murah atau mungkin diberikan secara percuma kepada

penduduk desa itu. Keadaan ini telah menjadikan pengarang menggunakan bahasa figuratif alusi sebagai perlambangan suatu suasana perasaan yang bukan sahaja sedang dialami oleh Harun bahkan juga oleh penduduk desa itu. Sejajar dengan Teori Relevans yang menyatakan bahawa proses pemahaman sesuatu ujaran melibatkan konteks emosi yang dibentuk melalui pemahaman psikologi pembaca (Sperber dan Wilson, 1986). Hal inilah yang dimaksudkan dengan makna implisit bagi “ditabur-tabur depan mata macam kita menaburkan padi beri ayam makan.”

Melalui penganalisan makna implisit bahasa figuratif alusi berdasarkan Teori Relevans tersebut jelaslah menunjukkan bahawa Anwar Ridhwan tidak menyatakan unsur emotif secara langsung sebaliknya beliau bijak menggunakan unsur alusi dan seterusnya berjaya mengajak pembaca untuk turut merasai emosi Harun yang berasa sangat riang akan keadaan tersebut. Sokongan ini dapat dikemukakan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim (2017) yang menyatakan bahawa perlambangan bahasa; kata kerja yang digunakan dalam lirik lagu *Bebaskan* mengandungi makna tersirat yang berfungsi untuk menyampaikan unsur-unsur emosi yang dapat mempengaruhi emosi seseorang. Seterusnya hal ini menyokong perbincangan dapatan kajian, iaitu bahasa figuratif yang turut mengandungi makna tersirat berperanan sebagai wahana penjelasan unsur emotif.

Data 2

“seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah”

(Halaman: 40)

Jadual 2: Makna Linguistik “seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah”

Data 2	Makna Linguistik
“...seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah...”	i. seperti - sama ii. angin - udara yang bergerak iii. kencang - tegang, keras, cepat, pantas, deras, laju iv. yang kata hubung v. bertiup - bergerak, berhembus, mengalir vi. di luar - di bahagian luar vii. rumah - tempat tinggal

Data 2, iaitu “seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah” diletakkan dalam bahasa figuratif alusi kerana rujukan ini menggambarkan kiasan yang sudah diketahui atau biasa didengar oleh pembaca dengan perkara yang dirujuk, iaitu pembaca mengetahui bahawa keadaan angin kencang yang bertiup di luar rumah ialah sesuatu keadaan atau cuaca yang tidak elok di luar rumah. Dapatan kajian ini bertepatan dengan pernyataan oleh Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad (1996) yang menyatakan bahawa alusi yang diambil mestilah dengan penuh kesedaran bahawa khalayak tahu dan biasa dengan rujukan yang digunakan seperti dibuat kepada watak manusia, tempat, kejadian, ucapan, ungkapan atau petikan. Tambahan pula, sokongan teori yang digunakan dalam kajian ini turut menyatakan bahawa dalam memahami makna sesuatu ujaran yang ingin disampaikan, pengetahuan sedia ada oleh pendengar turut membantu dalam proses menginterpretasi sesuatu ujaran tersebut (Sperber dan Wilson, 1986). Oleh itu, sokongan tersebut menunjukkan bahawa frasa *angin kencang* merupakan kod bagi

membantu menganalisis makna implisit Data 2.

Kod *angin kencang* dikemukakan merujuk kepada gambaran kiasan kerana berdasarkan konteks permulaan seperti yang terdapat dalam ungkapan di bawah, iaitu:

“...jiwanya juga sedang gelisah memikirkan giliran cerita apakah yang bakal diulang lagi?”

(Halaman: 40)

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) *angin* bermaksud *udara yang beredar* manakala *kencang* pula *tegang, keras, cepat, pantas, deras* dan *laju*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa frasa *angin kencang* merupakan *sesuatu keadaan udara yang keras tiupannya*. Namun, berdasarkan konteks permulaan yang dikemukakan makna linguistik tersebut tidak mampu memberikan makna yang sebenar bagi frasa *angin kencang*. Hal ini selaras dengan Teori Relevans yang menekankan bahawa makna sebenar tidak semestinya daripada makna linguistik (Sperber dan Wilson, 1986). Oleh itu, frasa *angin kencang* boleh diinferenskan sebagai unsur emotif yang berbentuk negatif dan bukanlah merujuk kepada *sesuatu keadaan udara yang keras tiupannya*. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa andaian awal bagi makna *angin kencang* ialah *emosi yang gelisah*.

Seterusnya dalam proses menganalisis makna implisit bagi Data 2, kesahan andaian yang dikemukakan bagi makna *angin kencang* dapat dibuktikan melalui penguatan maklumat oleh ensiklopedia pembaca. Melalui pengetahuan yang sedia ada oleh pembaca *angin kencang* merupakan *sesuatu keadaan yang tidak baik* atau *tidak elok*. Hasil maklumat ensiklopedia pembaca tentang gambaran keadaan *angin kencang* tersebut dengan gabungan andaian awal yang dikemukakan dapat memberikan kesan konteks yang tinggi. Sejajar dengan prinsip Teori Relevans, apabila kesan konteks tinggi, maka kos memproses makna sesuatu ujaran adalah rendah dan ujaran tersebut mudah difahami (Sperber dan Wilson, 1986). Jadi, kajian ini mendapati bahawa andaian awal yang dikemukakan bagi makna frasa *angin kencang* mempunyai kesahannya yang sangat tinggi.

Dalam mengukuhkan lagi makna implisit bagi Data 2 maklumat tambahan dikemukakan berdasarkan konteks tersebut, iaitu:

“Sudah hampir dua puluh tahun dia menetap di desa itu, menceritakan semua kisah yang dia tahu, dan sekarang dia hampir tidak mempunyai apa-apa lagi yang patut diceritakan.”

(Halaman: 40)

Konteks tambahan dikemukakan agar makna implisit bagi Data 2 tidak berlaku kekeliruan. Berdasarkan konteks tersebut, dia yang merujuk kepada watak Pak Hassan yang merupakan seorang penglipur lara sudah tidak tahu untuk menceritakan kisah-kisah apa kepada penduduk di desa kerana semua kisah yang ada sudah diceritakan oleh Pak Hassan. Jadi, pembaca memahami bahawa keadaan ini mewujudkan suatu perasaan bimbang dalam diri Pak Hassan. Dengan hal yang demikian, makna implisit bagi Data 2, iaitu “...seperti angin kencang yang bertiup di luar

rumah...” ialah *hati Pak Hassan berasa gelisah kerana tidak tahu kisah apa lagi yang boleh diceritakannya kepada penduduk desa.*

Hasil penganalisisan makna implisit “seperti angin kencang yang bertiup di luar rumah” menunjukkan bahawa penugarang telah menggunakan bahasa figuratif alusi bagi menggambarkan emosi gelisah. Dalam keputusan kajian ini juga, penggunaan Data 2 mengandungi unsur emotif yang dapat mempengaruhi kesesuaian dan kerelevanannya digunakan dengan perkara yang ditulis atau diterangkan. Hal ini sejajar dengan fungsi bahasa figuratif alusi, iaitu sebagai bentuk kiasan atau perbandingan untuk menggambarkan sesuatu dengan lebih jelas dan lebih grafik lagi (Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad, 1996) Oleh itu, dalam konteks kajian ini jelas sekali memperlihatkan bahawa bahasa figuratif alusi merupakan sebagai wahana penjelasan unsur emotif. Tambahan pula, Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob dan Nik Fazrul Azri Nik Azis (2017) menyatakan bahawa bahasa kiasan juga bertujuan untuk membangkitkan unsur humor yang mampu memujuk pembaca untuk mengekalkan momentum pembacaanya.

b. Perbincangan Penggunaan Bahasa Figuratif Hiperbola sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif dalam Novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan

Data 3

“secepat kilat”

(Halaman: 10)

Gaya bahasa hiperbola adalah gaya bahasa yang melebih-lebihkan atau membesar-besarkan untuk menarik perhatian pembaca, di samping untuk menjadikan sesuatu yang dilukiskan itu lebih hebat dari keadaan yang sebenarnya (Pariyanto, 2012). Seperti dalam Data 3, “secepat kilat” merupakan jenis bahasa figuratif hiperbola kerana sesuatu yang dirujuk disamakan dengan kilat.

Jadual 3: Makna Linguistik “secepat kilat”

Data 3	Makna Linguistik
“...secepat kilat...”	i. secepat - selekas mungkin ii. kilat - cahaya yang memancar dilangit

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa makna *kilat* ialah *cahaya yang memancar dilangit*. Walau bagaimanapun, data tersebut yang dikategorikan sebagai bahasa figuratif hiperbola tidak menggambarkan makna secara linguistik tetapi dikiaskan dengan benda atau pengertian lain. Oleh itu, makna implisit bagi “...secepat kilat...” perlu diteliti berdasarkan konteks dan situasi bagi memastikan ketepatan maknanya. Hal ini selaras dengan teori yang digunakan, iaitu Teori Relevans dimana konteks memainkan peranan yang penting dalam menginteprestasikan makna sesuatu ujaran itu (Sperber dan Wilson, 1986).

Dalam teori ini, menurut Sperber dan Wilson (1986) konteks boleh terbentuk daripada psikologi pendengar. Seberkas andaian awal wujud bagi Data 3 berdasarkan konteks yang ada dalam

ensiklopedia pembaca. Berdasarkan pengetahuan yang sedia ada, kilat bergerak pada kelajuan yang sangat pantas. Kenyataan ini disokong oleh National Geographic (2012) yang menyatakan bahawa kelajuan kilat adalah 365000000 km/j. Dengan itu, pengkaji mendapati bahawa pengarang menggunakan frasa “secepat kilat” bukan merujuk kepada *cahaya yang memancar di langit* tetapi merujuk kepada seberkas andaian awal, iaitu *keadaan yang sangat pantas*.

Selain maklumat konteks yang sedia ada melalui ensiklopedia pembaca, pengkaji juga mengemukakan maklumat tambahan bagi menguatkan andaian awal dalam menganalisis makna implisit bagi “secepat kilat” Hal ini kerana maklumat tambahan berfungsi untuk mengelakkan kekeliruan dalam menginterpretasikan sesuatu ujaran. Berikut merupakan maklumat tambahan, iaitu:

“Lelaki itu menangis sungguh-sungguh, kini dengan sedu-sedan yang tidak boleh ditahan-tahan lagi. Para tetangga yang hadir juga menangis, dan bilik di rumah itu **secepat kilat** berubah menjadi bilik yang bergema dengan tangisan lelaki dan perempuan.”

(Halaman: 10)

Berdasarkan maklumat tambahan tersebut, menunjukkan bahawa frasa “secepat kilat” merujuk kepada keadaan lelaki dan perempuan yang berada di dalam bilik tersebut berubah menjadi sangat sedih dengan begitu pantas. Hal ini sedemikian kerana pengarang sedang menyampaikan kisah yang berlaku dalam novel yang dikaji. Dalam bab ini sedang mengisahkan tentang watak Selamah, isteri kepada Pak Hassan yang sedang sakit tenat kerana sebahagian daripada tembuni anaknya yang diberi nama Mat Junuh masih tertinggal di dalam rahim Selamah. Keadaan ini menjadi lagi sedih apabila Selamah menyemburkan darah merah yang sangat pekat dan kemudiannya menghembuskan nafasnya yang terakhir. Dengan hal demikian, pemergian Selamah telah membuatkan semua orang di dalam bilik itu serta merta menangis sehingga dikatakan cepat seperti kilat.

Berbekalkan kedua-dua konteks tersebut dapat disahkan bahawa makna implisit bagi “secepat kila” ialah *keadaan di dalam bilik berubah menjadi sedih dengan sangat pantas atas kematian Selamah*. Kelajuan kilat sangat pantas, sementara itu, keadaan yang berubah di dalam bilik tersebut tidak boleh secepat kilat. Akan tetapi pengarang mengatakan atau menyamakan bilik tersebut berubah menjadi sedih dengan sangat pantas. Jadi, kajian ini mendapati bahawa andaian awal yang dikemukakan bagi maksud implisit Data 3 tersebut mempunyai kesahan yang tinggi. Hal ini sedemikian kerana proses menganalisis makna implisitnya tidak memerlukan kos memproses maklumat dengan banyak. Dalam Teori Relevans, semakin rendah usaha memproses sesuatu ujaran, maka semakin tinggi kesahan sesuatu ujaran tersebut (Sperber dan Wilson, 1986).

Seterusnya, hiperbola merupakan gaya bahasa untuk menyatakan sesuatu pernyataan secara berlebih-lebihan. Bersesuaian dengan konsep hiperbola, maka dalam penggunaan frasa “secepat kilat” yang digunakan oleh Anwar Ridhwan dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) tersebut merupakan sebagai wahana penjelasan unsur emotif berbentuk negatif, iaitu kesedihan disebabkan kematian. Bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif

disokong oleh Mohammad Nor Noor Hasnoor (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Metafora Anatomi dalam Bahasa Melayu* yang menyatakan bahawa manusia memiliki pelbagai emosi, dan mereka menggunakan bahasa sebagai salah satu bentuk perantaraan bagi menyampaikan emosi mereka.

Sara Beden dan Awg Kasmurie Awg Kitot (2015) pula menyatakan bahawa penggunaan bahasa figuratif dapat menimbulkan kesan rasa dan emosi apabila digunakan dalam persuratan kewartawanan, konteks formal atau tidak formal. Dalam konteks kajian ini, hasil dapatan kajian yang diperoleh pernyataan ini dapat menyokong bahawa penggunaan bahasa figuratif hiperbola mampu membuatkan pembaca turut merasai kesedihan atas apa yang berlaku dalam kisah novel yang dikaji. Oleh itu, penggunaan bahasa figuratif bukan sahaja berfungsi sebagai wahana penjelasan unsur emotif tetapi secara tidak langsung turut memperlihatkan kebijaksanaan pengarang berimajinasi dengan bahasa sesuai dengan konteks yang melatarinya.

Data 4

“meledakkan kekhuatirannya”

(Halaman: 50)

Sebagai permulaan, makna linguistik dikemukakan terlebih dahulu. Hal ini kerana dalam pragmatik makna linguistik lebih mudah difahami dan selalu mendahului makna implisit (Caroll, 2008). Jadual 4 merupakan makna linguistik bagi “meledakkan kekhuatirannya.”

Jadual 4: Makna Linguistik “meledakkan kekhuatirannya”

Data 4	Makna Linguistik
“...meledakkan kekhuatirannya”	i. meledakkan - meletupkan ii. kekhuatirannya - kebimbangan

Dalam Jadual 4, secara literalnya *meledakkan* bermaksud *meletupkan*. Dalam hal ini, sekiranya leksikal *meledakkan* dilihat hanya pada perkataan itu sahaja tanpa melihat hubungannya dengan perkataan lain maka *meledakkan* merujuk kepada *meletupkan sesuatu yang bersifat konkrit seperti bom, rumah, kereta dan sebagainya*. Akan tetapi, oleh kerana Data 4 ini merupakan jenis bahasa figuratif hiperbola, iaitu dimana semua jenis bahasa figuratif mempunyai makna tersirat seperti yang dinyatakan oleh Sara Beden dan Awg Kasmurie Awg Kitot (2015) di bawah, iaitu:

“Bahasa figuratif termasuklah penggunaan metafora, peribahasa, ironi, simile dan personifikasi merupakan ungkapan-ungkapan yang menyimpang daripada makna literal atau harfiah.”

Oleh itu, makna linguistik tidak mampu difahami makna sebenar bagi “meledakkan khuatirannya” tanpa melakukan penganalisisan makna implisitnya secara lebih mendalam lagi.

Dalam Teori Relevans, kod, inferens dan andaian ditentukan bagi membantu proses pencarian makna implisit sesuatu ujaran itu. Bagi Data 4 kod *meledakkan* ditentukan sebagai inferens kepada sesuatu perasaan. Seterusnya, andaian permulaan dikesan berdasarkan konteks permulaan. Menurut Sperber dan Wilson (1986) konteks boleh terdiri daripada perkara atau maklumat yang paling hampir. Oleh itu, pengkaji menghubungkan leksikal *meledakkan* dengan

perkataan selepasnya, iaitu *kekhuatirannya*. Dengan melihat hubungan antara perkataan dengan perkataan lain tersebut dapat menentukan andaian awal bagi *meledakkan* bermaksud *perasaan yang sangat bimbang*.

Teori Relevans juga melalui proses penggabungan, penguatan atau pengguguran. Setiap proses ini penting agar andaian awal yang dikemukakan relevan sebagai rangsangan untuk mengetahui maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Oleh itu, beberapa baris dialog dikemukakan oleh pengkaji sebagai konteks yang akan menggabungkan, menguatkan atau menggugurkan andaian yang sedia ada.

Dialog 1

“Hei, sahabatku keempat, ingat-ingatlah kita; perahu lanun rupanya yang datang kelihatan tiga buah itu.” Hang Tuah memberi peringatan.

Dialog 2

“Perahu musuh?” Begitulah Hang Jebat **meledakkan kekhuatirannya**.

(Halaman: 50)

Dua dialog yang dikemukakan tersebut memudahkan lagi usaha mencari maksud implisit bagi Data 4. Dialog 1 memperihalkan tentang pemberitahuan Hang Tuah kepada Hang Jebat bahawa terdapat tiga buah perahu lanun sedang datang ke arah mereka. Kemudian, dalam Dialog 2, Hang Jebat yang mendengar perkhbarannya tersebut membalas dengan unsur ayat tanya, iaitu “Perahu musuh?” Dalam Dialog 2 ini melalui proses pengetahuan sedia ada, ayat tanya “Perahu musuh?” bukanlah digunakan seperti mana ayat tanya berfungsi. Tatabahasa Dewan Edisi Baharu menyatakan bahawa ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 2015). Akan tetapi, sebaliknya ayat tanya yang terdapat dalam Dialog 2 tersebut merupakan suatu tidak balas perasaan pendengar apabila mendengar tentang kedatangan tiga buah perahu musuh. Seterusnya, pengkaji mengembangkan konteks bagi ayat tanya yang diujarkan oleh penutur sebagai melahirkan perasaan bimbang. Dengan hal yang demikian, penggabungan kesemua proses yang terlibat dapat membantu pengkaji memahami makna “meledakkan kekhuatirannya.” Hasil analisis ini, maka makna implisit bagi “...meledakkan kekhuatirannya” ialah *Hang Jebat berasa sangat bimbang*. Penggabungan proses tersebut memberikan kesan konteks yang tinggi. Dalam Teori Relevans semakin tinggi kesan konteks semakin mudah sesuatu ujaran untuk difahami, maka semakin rendah kos memproses maklumat (Sperber dan Wilson, 1986).

Melalui analisis Teori Relevans ini, menunjukkan bahawa pengarang menggunakan bahasa figuratif hiperbola untuk mengungkapkan emosi watak yang ada dalam kisah novel tersebut. Emosi yang digambarkan dalam bentuk bahasa figuratif tersebut merupakan emosi negatif, iaitu perasaan yang sangat bimbang. Simonov (1970) menyatakan bahawa emosi negatif merupakan emosi yang mengganggu kestabilan diri dan kelancaran kehidupan harian yang berpunca daripada kecelaruan emosi dan sekiranya tidak dikawal boleh memberikan kesan yang membahayakan. Selain itu, sokongan bahawa bahasa figuratif tersebut menjadi sebagai wahana penjelasan unsur emotif bertitik-tolak dengan kenyataan Kazdin (2000) yang menyatakan bahawa emosi diletakkan ke dalam bentuk kata, malah manusia mengungkapkan emosi dengan kata-kata yang khusus, metaforik dan penceritaan yang kompleks. Dengan hal yang demikian dalam konteks kajian ini membuktikan bahawa gaya bahasa figuratif merupakan kata-kata yang khusus

yang dipilih oleh pengarang untuk menyatakan pelbagai unsur emotif sesuai dengan konteks penceritaan atau peristiwa di dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Anwar Ridhwan.

KESIMPULAN

Bahasa kiasan merupakan ungkapan atau simpulan bahasa yang mengandungi isi atau pengertian untuk menyatakan sesuatu perkara, rasa atau keadaan yang kurang baik (Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan, 2017). Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian memperlihatkan bahawa bahasa figuratif alusi dan hiperbola dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Anwar Ridhwan merupakan salah satu gaya bahasa kiasan berfungsi sebagai wahana penjelasan unsur emotif.

Melalui pembacaan dan kajian secara induksi penggunaan bahasa figuratif alusi dan hiperbola adalah untuk melahirkan perasaan sama ada dimensi positif; gembira, bahagia dan kesenangan mahupun dimensi negatif; sedih, gelisah, marah dan sebagainya. Di samping itu, kajian tentang bahasa figuratif tidak boleh difahami maknanya secara literal (Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Muhammad Zaidi Zakaria dan Mohd Sollah Mohamed, 2015). Dalam kajian ini, Teori Relevans yang digunakan telah dapat menginterpretasikan makna implisit bagi bahasa figuratif dalam novel yang dikaji. Hal ini kerana bahasa figuratif memerlukan konteks dan kesan konteks yang perlu diteliti dan difahami secara jelas sepanjang proses memahami maknanya. Oleh itu, hasil penganalisan makna implisit bahasa figuratif tersebut membuktikan bahawa gaya bahasa ini berfungsi sebagai wahana penjelasan atau penegasan unsur emotif dalam membangkit nilai rasa dan seterusnya mempengaruhi emosi pembaca.

Seterusnya, hasil kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa gaya bahasa figuratif amat penting difahami dan dipelajari. Perbincangan tentang bahasa figuratif secara tidak langsung dapat membuka cabang ilmu yang lebih meluas untuk mendalami bidang yang berkaitan. Bukan itu sahaja, kajian ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada para pengarang untuk menggunakan bahasa figuratif dalam penulisan mereka bagi menggambarkan kebijaksanaan dan keintelektualan pengarang berbahasa. Bagi penelitian lain pula, kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain untuk mengembangkan kajian mengenai penggunaan bahasa figuratif daripada aspek keilmuan yang berbeza.

RUJUKAN

- Ali, I. A.M. (2009). Kajian stilistika novel *ronggeng dukuh paruk* karya Ahmad Tohari dan pemaknaannya. *Kongres Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI)*. Kusuma Agro Wisata Resort & Convention Hotel, Batu Malang.
- Anwar, R. (1979). *Hari-hari terakhir seorang seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrul, A. M. D., Nor Azuwan, Y. dan Nik, F. A. N. A. (2017). Penerapan retorik gaya skema dalam pengkaryaan novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 60-78.
- Caroll, D.W.(2008). *Psychology of Language*. Canada: Thomson Wadsworth.

- Gorys, K. (2007). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hartini, M. A. dan Normaliza, A. R. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 102-111.
- Haslina, H. (2016). Penterjemahan alusi kesusasteraan dalam *The Mayor of Casterbridge*. (Goh Sang Seong, peny.). *Isu-isu dalam Terjemahan Karya Sastera*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jeniri, A. (2005). *Teknik menulis ucapan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kazdin, E. A. (2000). *Encyclopedia of Psychology*, Volume 1. American Psychologist Association, Oxford University Press.
- Mary, F. S. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi, peny.). *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus*, ms.207-223. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mary, F. S. dan Nor, H. J. (2014). Mengalami dan menghayati makna kemiskinan melalui bahasa. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 28-44.
- Mary, F. S. (2015). Sajak “Pelacur Tua”: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 15(1): 113-141.
- Md, S. A. I. dan Mohd, S. R. (1996). *Strategi bahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu UM.
- Mohammad, N. H. (2017). Metafora Anatomi dalam Bahasa Melayu. *Tesis PHD*. Universiti Malaya.
- Muhammad, L. I. H., Mohd, S., Zaitul, A., Zainon, H., Muhammad, Z. Z. dan Mohd, S. M. (2015). Fenomena antara idiom dan kolokasi: Satu analisis terjemahan struktur dan makna. *Jurnal Linguistik*, 19(2), 10-23.
- National Geographic. (2012). Diakses pada Jun 16, 2017, daripada https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=10150577830788951&id=23497828950.
- Nik, S. K., Farid, M. O., Hashim, H. M. dan Abdul, H. M. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulain, A. R. dan Che, I. S. (2016). Retorik naratif dalam novel “Orang Kota Bharu”. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*. 4(2), 13-22.
- Othman, P. (1995). *Berbagai-bagai aspek buku kanak-kanak berdasarkan buku yang telah diterbitkan: “Suatu kajian ringkas terhadap tema dan struktur”*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pariyanto. (2012). Kajian gaya bahasa hiperbola dan eufemisme pada kepala Berita Harian *Solo Pos*. *Jurnal Ilmiah*. Universitas Muhammadiyah, Surakarta.
- Raja, S. R. M. dan Zaitul, A. Z. H. (2015). Penggunaan implikatur sebagai medium penjelasan akidah. *Jurnal Linguistik*, 19(2), 1-9.
- Ruhaizah, M. (1988). *Bahasa Malaysia dalam laras Bahasa*. Sarjana Muda Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sara, B. dan Awg, K. A. K. (2015). Kekuatan bahasa figuratif dalam memantapkan amalan hidup. *Dewan Bahasa dalam Agenda Bahasa*. Diakses pada Jun 16, 2017, daripada dwnbahasa.dbp.my/?p=1526.
- Simonov, P.V. (1970). *Feelings and emotions*. New York: Academic Press.

- Siti, N. M. K. dan Ernawita, A. (2017). Unsur eufemisme dalam Novel Jalan Retak karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 88-101.
- Sperber, D. and Wilson, D. (1986). *Relevans komunikasi & kognisi*. (Nor Hashimah Jalaluddin, peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukarni. (2012). Analisis bahasa figuratif dalam Novel Sang Pemimpi Karya Angrea Hirata sebagai alternatif materi pembelajaran analisis gaya bahasa. *Tesis S1*. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Wong, S. H. (2013). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63.